

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9633

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status terkini siasatan ROS terhadap Parti DAP yang telah mengambil masa lebih dari 3 tahun dan bilakah permohonan cawangan-cawangan baru yang telah diserahkan kepada ROS dapat diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan status siasatan terhadap pemilihan semula yang telah dijalankan oleh *Democratic Action Party* (DAP), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih meneruskan siasatan kerana JPPM perlu meneliti secara terperinci dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh DAP. Hal ini disebabkan terdapat percanggahan daripada segi kandungan dan kesahihan dokumen tersebut.

Oleh yang demikian, JPPM tidak dapat memberi kebenaran terhadap permohonan pendaftaran cawangan-cawangan baru yang telah diserahkan oleh pihak DAP.